

19 JULAI 2018

Sarang penagihan diserbu, 39 penagih dicekup ketika khayal

Sarang penagihan diserbu, 39 penagih dicekup ketika khayal

SEBERANG PERAI - Seramai 39 individu termasuk tiga wanita ditahan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam serbuan di sebuah sarang penagihan di Bakau Tua, Penaga, Kepala Batas di sini malam kelmarin.

Difahamkan kesemua 39 individu itu dipercayai berada di bawah pengaruh dadah ketika serbuan selama kira-kira lima jam berakhir pukul 11 malam itu dilakukan.

Jurucakap AADK berkata, kesemua mereka yang ditahan berusia 17 hingga 70 tahun.

Katanya, ujian air kencing yang dijalankan juga mendapati kesemua mereka positif dadah jenis syabu dan ganja.

"Seramai 33 daripada mereka ditahan reman bagi siasatan lanjut manakala enam lagi dibebaskan



SEBAHAGIAN daripada 39 individu yang ditahan AADK dalam serbuan di sebuah sarang penagihan di Bakau Tua, Penaga di Kepala Batas kelmarin.

dengan jaminan," katanya di sini semalam.

Kesemua mereka yang direman

kini ditahan di lokap AADK di Kampung Selamat, Tasek Gelugor di sini bagi siasatan lanjut.